

TAWARAN SEBUTHARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang terdiri dari syarikat 100% milik tempatan dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) serta mendaftarkan dengan MPK dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Bil	Tajuk Kerja	No. Sebutharga	Kelas Tawaran	Kategori	Harga
1.1	CADANGAN KERJA MENYELENGGARA LONGKANG TEPI JALAN SERTA KERJA BERKAITAN DI RRM PANCING, KUANTAN (PERUNTUKAN MARRIS)	MPK/W/SH:16/2018	G1	CE 34	RM 31.80 (Termasuk GST 6%)
1.2	CADANGAN KERJA MENAIKTARAF KAWASAN RIADAH SERTA KERJA BERKAITAN DI KELAB REKREASI INDERA KUANTAN, MARKAS 4 BRIGED MEKAZINE, KEM BARU 10, KUANTAN (PERUNTUKAN PEJABAT PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN NEGERI PAHANG)	MPK/W/SH: 17/2018	G2	CE 01	RM 53.00 (Termasuk GST 6%)
1.3	CADANGAN MENAIKTARAF LONGKANG SEDIA ADA DI PERKAMPUNGAN TAMAN TAS, KUANTAN (PERUNTUKAN KPKT)	MPK/W/SH:21/2018	G2	CE 34	RM 53.00 (Termasuk GST 6%)
1.4	CADANGAN MENAIKTARAF LONGKANG SEDIA ADA DI JALAN SUSUR SKIM KILANG BIMBINGAN BATU 5.5 (GIAT MARA), JALAN GAMBANG, KUANTAN PAHANG (PERUNTUKAN KPKT)	MPK/W/SH:24/2018	G2	CE 34	RM 53.00 (Termasuk GST 6%)

2. Naskah Tawaran Meja (TTD) boleh diperiksa dan di beli di waktu pejabat sahaja mulai **26 April 2018 (Khamis)** di **Kaunter Bayaran Majlis Perbandaran Kuantan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur.**
3. Kontraktor yang berminat hendaklah mendapatkan naskah tawaran dengan hadir sendiri atau wakil ke **Kaunter Bayaran Majlis Perbandaran Kuantan** dan membawa **Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil Asal Perolehan Kontrak Kerajaan (CIDB), Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera (BPKU) dan Sijil Pendaftaran MPK** dengan satu salinan sijil-sijil tersebut serta membayar naskah tawaran yang ditetapkan. Bayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai atau wang pos atau wang kiriman sebanyak sepertimana di atas dan atas nama **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kuantan.**
4. Naskah tawaran yang telah siap dipenuhi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertulis di sudut kiri atas, tajuk kerja dan No. Sebutharga dan dikembalikan kepada **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kuantan, di Kaunter Berpusat, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Majlis Perbandarahan Kuantan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur** sebelum tarik tutup tawaran iaitu tepat jam **12.00 tengah hari pada 10 Mei 2018 (Khamis).** Pihak MPK tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran serta tidak bertanggungjawab di atas apa jua perbelanjaan yang terlibat oleh kontraktor/pembekal untuk mengemukakan tawaran ini. Sebarang pertanyaan hendaklah menghubungi **Unit Projek, Jabatan Kejuruteraan** di talian **09-5121555 / 09-5121666.**